



## SIARAN AKHBAR

---

### EKSPO PRODUK TEMPATAN 2023 BERSEMPENA PESTA DISEMBER BRUNEI KE-7

1. **Bandar Seri Begawan, 30 November 2023** - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan *Brunei Economic Development Board* melalui *Darussalam Enterprise (DARe)* menganjurkan Ekspo Produk Tempatan 2023 bersempena dengan acara *Brunei December Festival* ke-7 selama 4 hari bermula pada hari Khamis, 30hb November sehingga hari Ahad, 3hb Disember 2023 bertempat di Dewan Bridex 1 dan 2, Jerudong.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat Bersama adalah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abd Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri serta Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ke Majlis Pelancaran adalah Ketua-Ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Para Penaja dan Pegawai-Pegawai Eksekutif dari agensi-agensi yang terlibat.
3. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi Bersama Ekspo Produk Tempatan 2023. Di dalam ucapan beliau telah menekankan bahawa eksopo ini merupakan salah satu usaha pihak kerajaan dalam menyediakan platform bagi syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha tempatan mempromosikan dan meluaskan lagi pasaran produk masing-masing secara langsung kepada pembeli; mengetengahkan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk yang dihasilkan dan perkhidmatan yang disediakan; memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha dan syarikat-syarikat untuk menjana pendapatan; dan juga peluang bagi mengadakan sesi *networking* dan *business-matching* diantara pembekal dan pemborong untuk mengukuhkan lagi rangkaian perniagaan yang sedia ada.
4. Lebih daripada 200 buah syarikat mengambil bahagian dalam eksopo ini bagi mempromosikan serta menjual pelbagai produk dan perkhidmatan keluaran para pengusaha tempatan yang terdiri daripada produk Pertanian dan Agrimakanan; Perniagaan, Perbankan dan Kewangan; Pembinaan dan Hiasan Dalaman; Produk dan Perkhidmatan Hiliran; Perkhidmatan Pendidikan; Perikanan dan Pemprosesan Makanan Laut; Makanan dan Minuman; Pelancongan dan Hospitaliti; Telekomunikasi dan Produk Kreatif; Pengangkutan dan Logistik; Fesyen dan Pakaian; Produk Perkayuan; dan lain-lain.
5. Selain dari aktiviti-aktiviti jualan produk dan perkhidmatan, beberapa sesi taklimat juga turut diadakan di sepanjang Ekspo ini yang diharap akan dapat memberikan manfaat kepada para pengusaha dan orang ramai yang berkunjung ke Ekspo ini, khususnya yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi

tentang peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan; penjenamaan dan pemasaran; amalan pengurusan ladang termasuk pengurusan kewangan yang baik; akses pasaran bagi eksport; dan lain-lain. Selain daripada itu, beberapa aktiviti menarik sesuai untuk keluarga juga turut disediakan di sepanjang Ekspo ini.

6. Majlis pelancaran ekspo ini juga menandakan bermulanya pesta yang dinanti-nantikan orang ramai iaitu *Brunei December Festival* ke-7 yang menawarkan sebanyak lebih daripada 150 pelbagai acara, aktiviti dan promosi menarik sepanjang musim cuti persekolahan bulan Disember. Ianya merupakan acara tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan yang mana bertujuan untuk menggalakkan rakyat dan orang ramai bercuti dan berbelanja di dalam negara sekaligus mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi pelancongan.

7. Ekspo Produk Tempatan 2023 adalah disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Imagine Sdn Bhd yang juga selaku pembekal perkhidmatan telekomunikasi rasmi bagi Ekspo ini.

8. Ekspo Produk Tempatan 2023 adalah dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula pada 30hb November 2023 sehingga 3hb Disember 2023, dari jam 9.00 pagi sehingga 9.00 malam. Keterangan lanjut berkenaan ekspo ini boleh didapati di laman media sosial instagram [@localproductexpo.bn](https://www.instagram.com/localproductexpo.bn)

**-tamat-**

Disediakan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**

**Jabatan Perikanan**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**Tarikh: 30 November 2023**